

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 211-229

***NOMENCLATURE* VARIAN MELANAU SARAWAK DARI ERA KOLONIAL KE ABAD 20: ANALISIS KRITIS 100 TAHUN INTERAKSI KEBAHASAAN GENETIK**

RAHIM AMAN & SHAHIDI A. HAMID
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

NORFAZILA AB. HAMID
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Abstrak

Kajian varian Melanau (VM) ini dianalisis dari era kolonial, iaitu pada awal abad ke-19 sehinggalah abad ke-20. Huraian ini dianalisis secara kritis dari sudut ilmu linguistik perbandingan. Sesungguhnya, kajian terhadap VM ini, mula dicetuskan oleh para mubaligh dan diikuti oleh golongan antropolog. Kajian pada awal abad ke-19 dan ke-20 lebih tertumpu kepada pengumpulan bentuk-bentuk kosa kata bahasa Melanau dan lokasi penempatan etnik tersebut. Kajian VM sekitar abad ke-20 dilihat terus berkembang. Pada peringkat ini, kajian fosil linguistik yang menekankan pada aspek interaksi kebahasaan yang bersumberkan pada aspek genetik mula diberikan penekanan. Kajian VM dari tahun 1890-1970-an memperlihatkan satu perkembangan kajian yang boleh dikatakan sebagai satu usaha yang tidak pernah putus yang dilakukan oleh para pengkaji untuk mengungkap VM ini. Bermula daripada ahli mubaligh atau pendakwah, kajian VM ini diteruskan lagi oleh golongan budaya dan para ahli linguistik. Usaha yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji ini harus dipuji kerana melalui kajian ini masyarakat dunia akan lebih mengenali dan memahami nilai budaya masyarakat.

Kata kunci: *Varian Melanau, kolonial, mubaligh, kosa kata, linguistik bandingan.*

NOMENCLATURE VARIANT OF SARAWAK MELANAU COLONIAL ERA TO 20TH CENTURY: 100 YEARS OF GENETICS CRITICAL ANALYSIS OF INTERACTION LINGUISTICS

Abstract

The studies of Melanau variant (VM) begun in the colonial era, namely at the early of 19th century until 20th century. This paper critically analyzed VM from the point of comparative linguistics. Indeed, the VM research were pioneered by missionaries at first, and then continued by anthropologists. In the early of 19th century and 20th century, the study of VM focused more on the collection of the different forms of Melanau language vocabulary and location of the tribe. In the 20th century, the studies of VM At this stage, the study of fossils linguistics pressing on interaction aspect of language derived from genetics aspects to be emphasized. In the years of 1890-1970, the studies of VM showed the increased development. The efforts that had been undertaken by the researchers, is to be commended, because through this study, the world community will better identify and understand the cultural values of the society.

Keywords: *Melanau Variants, colonial, preachers, vocabulary, linguistic comparison.*

PENGENALAN

Nomenclature varian Melanau (VM) dirasakan perlu kerana untuk mengkaji varian ini secara lebih luas, maka selok-belok perkembangan kajian kebahasaan varian ini perlu dilakukan. Oleh kerana Sarawak berada lama dalam era penjajahan Inggeris, maka kajian-kajian awal berkaitan aspek kebahasaan varian ini dilakukan oleh para mubaligh Kristian dan pegawai kolonial Inggeris yang memerintah Sarawak ketika itu. Pada pertengahan abad ke-20 barulah kajian ke atas varian ini dipelopori oleh tokoh-tokoh keilmuan, khususnya dalam bidang antropologi dan linguistik. Justeru, rentetan keilmiah kajian ke atas varian Melanau ini bermula jauh lebih awal lagi, iaitu ketika akhir abad ke-19 lagi sehinggalah ke hujung abad ke-20. Kajian yang mendalam oleh para kolonial Inggeris ke atas varian ini melambangkan bahawa penjajahan tidak akan berjaya jika aspek kebahasaan sesuatu etnik itu tidak dikaji secara ilmiah.

KONSEP INTERAKSI KEBAHASAAN GENETIK

Konsep mudah dalam ilmu komunikasi ialah penyampai, mesej dan penerima. Penyampai adalah orang yang memberikan maklumat dan maklumat ini boleh berbentuk tulisan atau pun lisan. Mesej pula adalah bentuk-bentuk maklumat yang ingin disampaikan. Komunikasi akan menjadi komunikatif apabila adanya penerima maklumat atau mesej dan penerima maklumat mesti dapat memahami mesej yang disampaikan tersebut. Inilah konsep asas dalam ilmu komunikasi (lihat juga Rahim & Norfazila, 2015; Zulkifley et. al. 2015; Manimaran Krishnan & Samsudin A. Rahim, 2014; Karlberg, 2005; Severin, W.J. & Tankard, J.W., 1979 & Stubbs, M., 1983).

Apabila disebut interaksi kebahasaan genetik, maka kita dapat memahami bahawa manusia sebagai satu makhluk hidup memiliki DNA lahiriah yang diwarisi. Aspek DNA lahiriah ini, yang merupakan kemampuan untuk berbahasa, diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Selain itu, komponen bahasa sendiri memiliki DNANYA, iaitu sistem bunyi, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Semua komponen ini boleh diwarisi dan boleh dipantulkan daripada sumber purbanya sama ada secara langsung atau pun tidak. Justeru, apabila disebut interaksi kebahasaan genetik, maka konsep ini membawa pengertian satu sistem komunikasi melalui bahasa yang di dalamnya mengandungi maklumat-maklumat pewarisan atau genetik daripada sumber purbanya (lihat Rahim Aman, 2008, Rahim Aman et. al., 2015 & Mohd. Tarmizi Hasrah et. al., 2014).

INTERAKSI KEBAHASAAN GENETIK AWAL VARIAN MELANAU

Kajian awal VM ini mula dicetuskan oleh para mubaligh. Para mubaligh ini bergiat secara cergas terhadap kajian mereka bagi mencapai matlamat mereka untuk menyebarkan agama yang mereka anuti terhadap masyarakat setempat. Antara mubaligh yang terlibat secara langsung ialah Brooke (Ling Roth 1896), dalam kajiannya yang berjudul "*A Vocabulary*", beliau telah menyusun sebanyak 59 kosa kata Melanau dari puak Sungai Rejang. Usaha Brooke tidak terhenti di kawasan Sungai Rejang sahaja kerana dalam abad yang sama, Brooke (Ling Roth 1896, xlv-xlvi) seterusnya meluaskan kawasan kajiannya di Kanowit, Kayan, Bintulu, Punan, dan Matu. Dalam kajiannya yang berjudul "*A collection of vocabularies*", beliau telah berjaya mengumpul sebanyak 1312 kosa kata yang terdiri dalam pelbagai medan makna.

Selain Brooke, Hupe (Ling Roth 1896) yang juga seorang mubaligh Kristian Amerika telah menjalankan satu misi untuk menghasilkan satu bentuk penulisan karangan. Dalam kajian ini, Hupe telah berjaya mengumpul sebanyak 43 kosa kata yang terdiri daripada beberapa medan makna, di sekitar pantai barat Pontianak seperti di kawasan Bugis, Banjar, dan Dayak, iaitu di Pulau Petak, Karangan, Sinding, Maratei, Sau, Bulau, Meri, Lundu, Berang dan Sabungo, Bukar, Santan dan Gurgo, Sinan, Sumpo, Budanok, Stang, Sibugau, Tubbia, Sabutan, Sering

Gugu dan Matan. Hupe dalam kajiannya “*A collection of forty-three words in use in twenty-four different districts*” (Ling Roth 1896, xcix-cii), turut menyalin kosa kata bahasa Melanau di kawasan Kajan, Bintulu, dan Mukah. Semua kosa kata di kawasan ini diambil daripada Brooke (Ling Roth 1896, c-ci). Kajian awal VM ini turut dilakukan oleh Burns (Ling Roth 1896, cv-cviii). Kajian Burns yang berjudul “*A vocabulary of the Kayan language of the North-West of Borneo*”, iaitu kajian yang dilakukan di sekitar sungai Bintulu dan Rajang telah berjaya mengumpulkan 123 perbendaharaan kata yang terdiri daripada pelbagai medan makna, 24 jenis kosa kata yang terdiri daripada kata nama, 35 kata adjektif, 89 jenis kata kerja, 52 kata adverba, 15 kata proposisi, 24 kata bilangan, 19 kata panggilan untuk lelaki dan 10 kata nama untuk perempuan.

Seterusnya, kajian awal VM ini turut menarik minat Spencer St. John. Kajian beliau yang berjudul “*Dayak languages-Sambas to Batang Lupar*” (Ling Roth 1896, cxix-cxxiii), telah menyusun satu daftar kata bahasa kaum di Rejang dan Baram iaitu bahasa Melanau, Kayan, dan Pakatan. Dalam usaha menyusun daftar kata ini, beliau telah berjaya menyusun sebanyak 156 kosa kata dalam bahasa Melanau. Seterusnya, kajian turut dilakukan oleh Swettenham (Ling Roth 1896, clvii-clx). Beliau telah menyusun satu daftar kata perbandingan sebanyak sepuluh bahasa iaitu Iranun, Dusun, Bulud Opie, Sulus, Kian Dayak, Punan Dayak, Melanau Dayak, Bukutan Dayak, Land Dayak, dan Bulau Dayak. Dalam kajian ini sebanyak 115 kosa kata berjaya dikumpul oleh beliau.

Selain daripada ahli pendakwah, kajian awal VM terus berkembang pada awal abad ke-20 oleh penyelidik yang terdiri daripada pegawai kolonial Inggeris dan ahli antropologi, antaranya ialah Ray (1913) dan Richards (1930). Kajian Ray (1913: 1-196), merupakan kajian antropologi yang menjadikan bahasa sebagai salah satu item dalam kajiannya. Bahasa yang telah dikaji oleh Ray merangkumi satu kawasan ataupun meliputi wilayah yang amat luas. Kawasan yang dikaji dalam tulisannya ialah merangkumi Kepulauan Borneo iaitu Sarawak dan Sabah serta Kalimantan Barat. Dalam kajiannya yang berjudul “*The Languages of Borneo*”, aspek yang disentuh hanyalah berdasarkan lokasi penyebarannya. Menurut Ray (1913: 3), petempatan masyarakat Melanau ialah mereka menduduki kawasan yang lebih rendah seperti di sekitar sungai-sungai dari Rajang, Tutong dan Balait, seperti daerah Blawi, Palo, dan Sungai Egan yang membentuk Delta Rajang, Oya, Muka, Bintulu dan Utara Sungai Miri. Jumlah penutur dialek Melanau ialah sekurang-kurangnya 35,000 orang penutur.

Menurut Lawrence dan Hewitt (Ray 1913, 5), tradisi masyarakat Melanau pada abad yang lalu iaitu sebelum berlaku pemisahan pemerintahan Sarawak dengan Brunai, mereka telah membezakan antara bahagian Melanau seperti berikut; 1) Melanau Muka, di Sungai Muka dan Oya, 2) Melanau Bintulu atau Segaan di Sungai Niah dan Bintulu, 3) Miris di Sungai Bakam dan Miri, 4) Dallis di Sungai Sibuti dan Bakong, 5) Narom di Sungai Baram, 6) Melanau Matu di Sungai Matu, 7) Melanau Rejang di Sungai Rejang, 8) Igan Malanaus di Sungai Igan, 9) Sigalang di atas Sungai Rejang, 10) Siduan di atas Sungai Rejang, 11)

Tutong di Sungai Tutong, dan 12) Balait di Sungai Balait itu. Justeru, bolehlah dikatakan bahawa dalam bahasa ini terdapat perbezaan antara satu dialek dengan dialek yang lain. Hal ini telah diperkukuhkan lagi oleh Ray (1913: 5) dalam tulisannya, iaitu:

There are several distinct dialects. The languages of the different tribes are so diverse and subdivided that almost each place has a separate tongue. Thus the Milanos of Bintulu cannot understand the Milanos of Muka or Oya, and yet they are not very far apart in point of distance.

Dalam tulisan ini juga Ray (1913: 4-5), turut melanjutkan lagi perbezaan dialek Melanau iaitu masyarakat Melanau terbahagi kepada empat bahagian yang sangat berbeza, iaitu Bintulu, Muka, Narom, dan Long Kiput yang boleh dipertimbangkan sebagai bahasa tipikal. Kanowit, Tanjong, dan Siduan membentuk kumpulan perantaraan antara *Milano* dan Dayak Laut.

Ray (1913: 53-64) juga menyertakan satu daftar kata perbandingan bahasa-bahasa Borneo yang merangkumi beberapa aspek kata iaitu kata ganti nama diri, kata ganti nama tunjuk, kata tanya, dan kata bilangan kardinal dan ordinal. Di akhir penulisannya, Ray (1913: 71-112) telah mengajukan 211 kosa kata perbandingan bahasa-bahasa Borneo, iaitu bahasa Melanau, Iban, dan Bidayuh. Daftar kata ini merupakan hasil daripada penelitian yang dilakukan olehnya pada tahun 1899 di Sarawak.

Selanjutnya, kajian awal VM ini diteruskan lagi oleh Richards & Jaro (1930), iaitu sebuah kajian bahasa Melanau yang berkisarkan daerah Mukah. Kajian ini bertujuan menyusun sebuah daftar kata yang berjudul "*A Vocabulary of Mukah Milano*" di Mukah pada tahun 1930. Menurut Richards & Jaro (1930, 87), Melanau merupakan satu bangsa yang mendiami pinggir laut Sarawak dari Igan hingga Bintulu. Masyarakat Melanau paling banyak mendiami di Oya, Dalat, dan Mukah. Bahasa Melanau sedikit berbeza setiap suku kaum dan tiada siapa yang lebih mengenali bahasa selain '*The Reverend Father*' yang merupakan *Roman Catholic Mission* di kawasan ini.

Richard & Jaro (1930) mengatakan bahawa '*ei*' disebut sebagai '*ay*' dalam bahasa Inggeris. '*k*' di akhir kata tidak disebut tetapi terhenti di anak tekak dan menghasilkan sebutan '*k*' di awal sahaja. Bahasa Melanau asli tidak menggunakan huruf '*s*', tetapi digantikan dengan huruf '*h*'. Fenomena ini terjadi disebabkan perkembangan bahasa Melayu kerana '*s*' jarang didengari. Selain itu, beberapa perkataan bahasa Melanau asli digantikan dengan bahasa Melayu. Beberapa perkataan Melanau terus mati disebabkan penggunaan bahasa Melayu sejak 25 tahun lalu. Selain itu, Richard & Jaro (1930) turut mengatakan bahawa bahasa Melanau bergerak perlahan walaupun diiktiraf ketika pemerintahan Melayu yang bermula dengan proses peminjaman perkataan. Sehubungan itu, banyak perkataan dalam bahasa ini di bentuk dari orang Indonesia yang bersesuaian dengan kedua-dua bahasa dan juga terhadap etnik Indonesia yang lain. Dalam kajian ini, pelbagai daftar kata telah diambil dan disusun mengikut susunan abjad

huruf A-Z dan mengandungi pelbagai medan makna sesuai dengan matlamat kajian yang telah dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini.

INTERAKSI KEBAHASAAN GENETIK VARIAN MELANAU 1950-AN – 1970-AN

Kajian VM sekitar tahun 1950-an – 1970-an terus berkembang. Sekitar tahun ini, rumpun bahasa Melanau ini dikaji oleh mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang akademik yang berbeza. Antara mereka ini terdiri daripada ahli antropologi, budaya, dan bahasa. Antara kajian yang dirujuk ialah kajian yang telah dilakukan oleh kajian Richard & Jaro (1954), Cense & Uhlenbeck (1958), Newington (1961), Barnes (1966), Clayre (1970), Blust (1974), Clayre (1975), Hudson (1978) dan King (1978). Ulasan terperinci sekitar 1950-an hingga 1970-an yang dipaparkan dalam makalah ini ialah kajian yang berkait dengan bahasa iaitu kajian yang telah dilakukan oleh Cense & Uhlenbeck (1958), Clayre (1970), Blust (1974), Clayre (1975) dan Hudson (1978). Ulasan terhadap semua kajian ini bolehlah dilihat pada huraian berikutnya.

Kajian Richard & Jaro (1954), adalah kajian budaya iaitu kajian yang menyentuh tentang sejarah siapakah Tugau dan Siong yang banyak diceritakan dalam masyarakat Melanau ini. Kajian Cense & Uhlenbeck (1958) yang berjudul “*Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*” ialah berkaitan ulasan yang lengkap mengenai kajian bahasa yang terdapat di Pulau Borneo. Antara bahasa yang dikaji dalam kajian mereka ialah dialek Melayu, Dayak Kendayan dan Land Dayak, Melanau, Bisaya, dialek Murut Sarawak, dialek Murut Utara Borneo, Dusun, Bajau, Ubian, Illanun, Bulud-Upi, Sulu, dialek Tidung, Sajau Basap dan semua dialek Basap, Labu, *Central Borneo languages*, Punan Ba, Beketan, Ukit, Modang, Embaloh, Maanyan, Si (h) ong, Samihim, Dusun, Dusun De (y) ah, Lawangan, Tabuyan, Ngaju, dan Ot Danum. Cense & Uhlenbeck (1958: 17), mengatakan bahawa walaupun terdapat bukti-bukti yang cukup untuk membolehkan kita mengenalpasti kawasan linguistik Dayak Darat dan Dayak Laut seperti mana yang dituturkan di Sarawak, adalah lebih sukar untuk menggariskan secara kasar *linguistic geography* bagi kawasan-kawasan Sarawak yang selebihnya.

Dalam kajian ini, Cense & Uhlenbeck (1958) cuba untuk menghadkan kumpulan linguistik yang mungkin dipanggil Melanau. Menurut Cense & Uhlenbeck (1954), berpandukan kepada data-data ini kita dapat menyatakan bahawa Melanau dalam pengertian maksudnya yang terhad adalah dituturkan di bahagian persisiran pantai delta Sungai Rejang hingga ke Sungai Balingian. Sebagai sebuah tulisan yang lebih berbentuk ulasan, pandangan, pendapat, ataupun idea mereka mengenai VM ini, kajian mereka boleh disifatkan agak terhad. Hasil daripada bacaan pengkaji berhubung kajian Cense & Uhlenbeck (1954) mereka lebih mengutarakan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh lain sebelum ini.

Kajian Newington (1961) yang berjudul “*Melanau memories*”, ialah kajian

tentang kebudayaan masyarakat Melanau. Menurut Newington (1961), sewaktu beliau sedang membina Fort Burdett II di Mukah yang kemudiannya telah dibom dan terbakar semasa perang dunia ke-II, beliau telah tinggal di sebuah rumah penduduk asli atau tempatan di Kampong Awang Udin, Kuala Tilian dari tahun 1911 - 1912. Semasa tinggal bersama kumpulan kaum Melanau di sana, beliau telah berpeluang untuk mengkaji pelbagai aspek kebudayaan mereka. Dalam kajian ini antara kebudayaan masyarakat Melanau yang telah beliau ikuti ialah upacara berayun yang dijalankan oleh pawang atau doktor sihir di situ untuk menyembuhkan penyakit seseorang dan telah menyaksikan beberapa perkara yang pelik.

Sama seperti kajian Newington (1961), kajian Barnes (1966), juga merupakan kajian tentang budaya masyarakat Melanau. Kajian Barnes (1966) ini menceritakan tentang punca-punca dan penyembuhan atau rawatan penyakit atau kesakitan di kalangan kaum Melanau. Selain itu, Kajian Barnes (1966) turut mengutarakan upacara *ayun* (lebih dikenali sebagai *berayun* dalam bahasa Melayu dan *payun* dalam bahasa Melanau).

Kajian Clayre (1970) yang berjudul "*The spelling of Melanau (Nee Milano)*" telah menganalisis beberapa kajian yang telah dilakukan terdahulu, dan fokus utamanya ialah untuk melihat kesilapan yang telah dilakukan. Antara kajian yang telah diteliti oleh beliau ialah kajian oleh Ray (1913) yang telah memberikan kesemua vokal bagi bahasa Melanau berdasarkan bunyi serta nilai vokal Inggeris. Clayre juga berpendapat bahawa apabila penutur luar menyebut sesuatu perkataan Melanau berbeza dengan apa yang disebut oleh orang Melanau itu sendiri, terutamanya yang berkaitan dengan vokal, maka tiada perubahan yang berlaku cuma sistem vokal yang berbeza (1970). Berdasarkan penelitiannya mengenai kajian-kajian yang terdahulu, Clayre dalam kajiannya cuba mengengahkan satu sistem ejaan yang sistematik bagi bahasa Melanau. Menurut Clayre (1970:342):

It is clear that a systematic spelling is needed if the Melanau language is to take its place alongside the other written languages of Borneo, with a flourishing literature of its own. It may not be practicable to have one single spelling for each lexical item, because certain differences of dialect will have to be reflected in the written forms. Not all dialects, for instance, employ all the letters in the maximal set suggested in the paper. However, one unified spelling system does appear to be a viable proposition, based on the analysis that takes up the bulk of the following pages.

Menurut Clayre (1970), satu sistem ejaan yang sistematik bagi bahasa Melanau adalah amat penting bagi bahasa ini untuk terus hidup di samping bahasa-bahasa utama lain yang dipertuturkan di Borneo. Malahan, dengan adanya sistem ejaan yang sistematik, bahasa Melanau boleh mengambil tempatnya di antara bahasa-bahasa tulisan lain yang ada di Borneo. Menurut Clayre (1970), terdapat 6 fonem vokal dalam bahasa Melanau sebagai mana yang dituturkan di Dalat dan 21

fonem konsonan. Di Ud dan Medong hanya terdapat 19 fonem sahaja daripada 21 bunyi fonem ini, manakala di Mukah pula terdapat 18 fonem konsonan sahaja. Fonem konsonan yang dimaksudkan oleh Clayre (1970) ialah [p, b, t, d, k, g, q, m, n, ny, ng, s, h, r, R, c, j, H, l, w, y] (/q/ ialah lambang bunyi pita suara). Vokal-vokal dalam bahasa Melanau pula ialah:

	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	/i/	/e/	/u/
Luas	/E/	/a/	/o/

Clayre (1970) turut membicarakan tentang konsonan dalam satu perkataan terdapat satu pengelompokan hentian bunyi dengan satu set yang dihadkan iaitu /s, l, r, R/ yang meningkatkan ambiguiti antara strukturnya. Clayre (1970), dalam kajiannya turut menyentuh mengenai perbezaan leksikal dengan glos yang sama dalam sebutan dengan item leksikal yang sama. Contohnya Melanau Medong akan menulis ‘masak’ sementara Dalat ‘mase’ ‘masak (makanan)’, sak Dalat menyebut se’ ‘merah, masak’, dan sebagainya. Di Mukah, ‘lubang’ disebut ‘lubeng’, Dalat ‘lubi’ dan sebagainya. Bagi Clayre (1970), dengan membicarakan satu sistem ejaan walaupun tidak semestinya hanya satu bentuk yang ditulis untuk setiap item leksikal adalah satu cadangan yang praktikal. Dalam kesimpulan kajiannya, Clayre (1970) telah menyatakan bahawa kajian-kajian yang dilakukan terdahulu terdapat banyak kesilapan yang membolehkan hasil kajian tidak tepat serta merugikan bahasa Melanau itu sendiri. Beliau mengharapkan sistem yang diketengahkannya boleh disebarkan dalam kalangan orang Melanau serta orang yang bertanggungjawab mengenai bahasa ini dengan harapan, setelah pembacaan dikuasai dalam bahasa ibunda mereka sendiri orang Melanau tidak akan menghadapi masalah untuk berdepan dengan bahasa Kebangsaan.

Seterusnya, pada tahun 1975, Clayre telah melanjutkan kajiannya terhadap bahasa Melanau ini. Kajian Clayre (1975) yang berjudul “*Grammatical and semantic groupings of Melanau nouns*” ini menerangkan mengenai pengelasan kata nama salah satu dialek utama bahasa Melanau. Kertas ini juga membincangkan penggunaan *mereka* dalam kuantiti dan sebagai pengganti kata nama dalam rujukan anafarik. Tumpuan tertentu diberikan kepada penggunaan *mereka* khasnya dalam pembinaan klausa relatif berlawanan dengan kata nama awal relatif yang lebih umum. Gaya hidup masyarakat dikaji terutamanya nama yang mempunyai bentuk gabungan “*generic superordinate-plus-specific*” bagi memperoleh bagaimana orang Melanau mengkategorikan dunia mereka. Tumpuan khusus juga diberikan kepada ‘sempadan’ antara kumpulan-kumpulan yang jelas diterangkan di mana masalah pengelasan muncul daripada penutur bahasa asli.

Dalam kajian ini, Clayre (1975) telah mengkaji bahasa ini dari sudut kumpulan ketatabahasa, penggunaan pengelasan kata ganti (*pronominal classifiers*), dan kumpulan semantik. Kajian Clayre mengenai kumpulan ketatabahasa telah memperoleh bahannya melalui cerita tradisi. Sebahagian

korpus data yang diambil daripada cerita tradisi ini, kajian ini berdasarkan kata nama benda tidak hidup. Menurut Clayre (1975), kajian ini membenarkan mengenai aksi dan emosi manusia, dan kekurangan istilah generik biasa yang sesuai. Kata nama benda tidak hidup adalah secara semantiknya terhad kepada nama tempat dan dipersembahkan dalam rujukan ‘pronominal’ kepada kata keterangan *static deictic inan, sana, dan jauh di sana*. Semua predikat mengenai kata nama benda tak hidup adalah statik dan tidak dinamik. Contoh:

Sibau	jau'	angai
Sibu	jauh	sangat

“Sibu adalah tempat yang sangat jauh”

Seterusnya, Clayre (1975) mengatakan lagi kata nama biasa dibezakan dengan kata nama khas dengan ketentuan yang tidak lengkap, melambangkan kelas-kelas benda yang boleh diterangkan atau diindividukan dalam perubahan frasa dengan kompleks yang berbeza. Dengan pengelasan mereka serta ahli kumpulan verbal dan adverbial pembahagian antara kelas satu subset kata kerja biasa dibezakan sebagai lebih sebagai abstrak dari konkrit. Kata nama tidak boleh dijumlahkan atau diwakili oleh kata ganti nama. Predikat seperti ini mungkin dibuat tentang mereka ini adalah persamaan dalam menghasilkan bentuk klausa tidak berkata kerja.

Berhubung kajian Clayre mengenai perkumpulan semantik pula, Clayre (1975) mengatakan bahawa bentuk dan organisasi benda dalam fikiran dan minda seseorang adalah sebahagian cerminan dalam perkumpulan benda-benda tersebut bersama kontras yang ahli berbeza antara mereka, berkongsi sebahagian ciri-ciri anggapan, dan sebenar. Ritual puisi orang Melanau menghasilkan peluang keemasan untuk pemerhatian sebegini, dan adat seperti ini adalah untuk ahli pawang dan bomoh. Diakhir penulisannya Clayre membuat kesimpulan bahawa apa yang berlaku jelas adalah keluhan taksonomi tempatan. Ia membawa etnografi di bawah ‘kulit kering’ data ke satu alam dunia cerita rakyat dan metos di mana kesedaran sesuatu budaya bertapak. Dunia tersebut dijumpai tidak liar, tetapi mempunyai peta yang dialirkan dengan logik tempatan dalam *syntactic* dan perkumpulan semantik bahasa tersebut.

Selanjutnya, Blust (1974) dalam kajiannya yang bertajuk “*Proto-North Sarawak vowel deletion hypothesis*” mengelaskan bahasa di Sarawak menurut hipotesisnya berdasarkan kepada sistem pengguguran vokal. Blust mengelaskan bahasa Utara Sarawak kepada empat kumpulan, iaitu (1) Bintulu (2) Berawan-Lower Baram; (3) Kenyah, dan (4) Dayak. Dalam pengelasan Blust, Bintulu adalah satu-satunya ahli kumpulan Bintulu, manakala kumpulan tiga yang lain terdiri daripada bahasa-bahasa lain dalam subkumpulan Sarawak Utara.

Menurut Blust (1974), bahasa Melanau dalam kategori kumpulan ketiga kerana bahasa ini tidak mempunyai cukup bukti adanya proses pengguguran vokal. Blust (1974) tidak mampu untuk mengumpul data untuk bahasa-bahasa Kajang (Lahanan, Kejaman dan Sekapan). Berdasarkan kekangan ini Blust (1974) tidak meletakkan bahasa Kajang ke dalam mana-mana kategori dan

Blust tidak cuba untuk meletakkan mereka ke dalam subkumpulan Sarawak Utara. Hasilnya, subkumpulan Utara Blust di Sarawak tidak memaparkan sama ada Melanau dan Kajang adakah berlainan dan termasuk dalam subkumpulan Sarawak Utara. Dalam kajian Blust (1974) ini, hanya tujuh senarai perkataan Melanau dimasukkan ke dalam lampiran. Blust mengatakan bahawa “*Melanau dialect chain*” menjadi koordinat dengan bahasa “Kajang” (Kejaman, Lahanan, Sekapan) iaitu hasil daripada rujukan yang dibuat oleh Blust melalui bahan Ray (1974, 184). Selain itu, Blust juga menyatakan bahawa Bintulu dikelaskan dalam kumpulan yang berasingan kerana kekurangan bukti untuk memasukkan bahasa ini di Utara Sarawak. Dalam kajiannya, Blust tidak cuba untuk mengelaskan bahasa Melanau dan Kajang. Selain itu, Blust juga tidak mencuba untuk menyelesaikan masalah hubungan linguistik dalam varian Melanau Bintulu dan Kajang. Oleh itu, Klasifikasi Blust tidak harus digunakan sebagai kesimpulan akhir mengenai pengelasan bahasa di Sarawak.

Hudson (1978) mengelaskan kumpulan bahasa Sarawak kepada kumpulan Exo-Borneo dan kumpulan Endo-Borneo Sarawak. Hudson mengelaskan kumpulan bahasa Endo-Borneo ke dalam Dayak Tanah, Rajang-Baram, Kayan-Kenyah dan ApoDuat. Beliau kemudiannya mengelaskan kumpulan Rajang-Baram ke dalam empat kumpulan kecil.

Subkumpulan Baram-Tinjar	Lelak dan Dali; Narom dan Miri
	Balait Jati, Lemiting, Long Kiput
	Tutong
	Berawan dan Long Pata; Batu Bla
Subkumpulan Rejang-Bintulu	Bintulu
	Lahanan
	Kajaman, Sekapan
	Bukutan, Punan batu; Bakut; Bukitan, Bakatan; Ukit, Beketan Punan Busang, Sru
Subkumpulan Rejang bawahan	Rejang Milanau, Mukah, Teh, Siduan, Matu, Oya
	Kanowit
Subkumpulan Rejang-Sajau	Tanjong
	Punan Bah, Punan Biau
	Punan Merap
	Sajau Basap

Rajah 1 Pengelasan Hudson (1978) bagi kumpulan Rajang-Baram

Menurut pegelasan Hudson, Sungai Rajang merupakan kumpulan yang berpendapatan rendah. Di kawasan ini terdiri daripada pelbagai Melanau pantai, iaitu Kanowit dan Tanjong. Seterusnya, Hudson mengatakan bahawa leksikal, bahasa subkumpulan Rajang adalah lebih rendah iaitu dengan 60% berbanding

dengan bahasa subkumpulan Rajang Baram lain. Namun begitu, dalam artikel itu Hudson membuat kesimpulan tidak berdasarkan data leksikostatistik. Sehubungan itu, dalam pengelasan Hudson (1978) beliau mengatakan bahawa Bintulu adalah subkumpulan yang berbeza dari bahasa Melanau yang lain. Hudson meletakkan Bintulu dalam kumpulan kecil yang sama dengan Lahanan, Kajaman, Sekapan (bahasa Kajang) dan lain-lain.

Kajian King (1978) yang berjudul “*Essay on Borneo society*” ini merupakan penulisan tentang masyarakat di kepulauan Borneo. Penulisan ini adalah lebih bersifat memahami dan mengetahui asal-usul masyarakat setempat kaum yang dibincangkan. Antara kaum yang disentuh dalam penulisan King ini ialah kaum Dayak dan Melayu, Orang Melanau, Dusun Rungus dan Bajau Laut.

Kajian VM pada tempoh 1950-an – 1970-an memperlihatkan satu perkembangan yang boleh dikatakan agak memberangsangkan berbanding dengan tahun sebelumnya. Kajian antara tahun ini boleh dikatakan agak pelbagai dan lebih mendalam berbanding pada tahun sebelumnya. Dalam tempoh ini juga, terdapat beberapa sarjana telah menganalisis kajian mereka berasaskan ilmu dalam bidang linguistik. Ini boleh dilihat melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh Clayre (1970) dan (1975), kajian Blust (1974) serta kajian Hudson (1978).

ANALISIS KRITIS PERSPEKTIF LINGUISTIK BANDINGAN

Himpunan penyelidikan kajian lampau terhadap bahasa yang dikaji telah memberikan gambaran kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian baru dan menghasilkan pendeskripsian yang lebih berpeda. Dalam *nomenclature* ini, kajian kepustakaan VM dibahagikan kepada dua jangka masa kajian iaitu:

- i. Kajian awal VM pada era kolonial
- ii. Kajian VM yang dijalankan sekitar tahun 1950- an -1970-an (abad 20)

Penghuraian kajian awal VM yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu umumnya hanya dipelopori oleh golongan para mubaligh ataupun pendakwah. Oleh itu, hasil kajian yang dilaksanakan lebih ke arah corak kehidupan masyarakat setempat. Sekiranya menyentuh dari aspek bahasa pula, golongan ini kebanyakannya hanya bergiat untuk mengumpul seberapa banyak item leksikal terhadap beberapa VM yang dikaji. Usaha pendakwah ini boleh dilihat melalui kajian yang telah dilaksanakan seperti Brooke (Ling Roth 1896), dalam kajiannya yang berjudul “*A Vocabulary*” telah menyusun sebanyak 59 kosa kata Melanau dari puak Sungai Rejang. Usaha Brooke tidak terhenti di kawasan Sungai Rejang sahaja kerana dalam abad yang sama, Brooke (Ling Roth 1896: xlv-xlvi) seterusnya meluaskan kawasan kajiannya di Kanowit, Kayan, Bintulu, Punan, dan Matu. Dalam kajiannya yang berjudul “*A collection of vocabularies*”, beliau telah berjaya mengumpul sebanyak 1312 kosa kata yang terdiri dalam pelbagai medan makna.

Dalam abad yang sama, kajian VM ini turut menarik minat St. John. Kajian beliau yang berjudul “*Dayak languages-Sambas to Batang Lupar*”(Ling Roth,

1896: cxix-cxxiii), telah menyusun satu daftar kata bahasa kaum di Rejang dan Baram iaitu bahasa Melanau, Kayan, dan Pakatan. Dalam usaha menyusun daftar kata ini, beliau telah berjaya menyusun sebanyak 156 kosa kata dalam bahasa Melanau. Dilihat daripada kajian John ini, beliau sudah mula meluaskan mengumpul item leksikal terhadap bahasa lain selain Melanau. Selain daripada Brooke dan St. John, aktiviti pengumpulan item leksikal ini diteruskan dengan lebih luas lagi terhadap bahasa lain selain bahasa Melanau apabila kajian yang dijalankan oleh Hupe (Ling Roth, 1896) telah berjaya mengumpul sebanyak 43 kosa kata yang terdiri daripada beberapa medan makna, di sekitar pantai Barat Pontianak seperti di kawasan Bugis, Banjar, Dayak Pulau Petak, Karangan, Sinding, dan Maratei, Sau, Bulau, Meri, Lundu, Berang dan Sabungo, Bukar, Santan dan Gurgo, Sinan, Sumpo, Budanok, Stang, Sibugau, Tubbia, Sabutan, Sering Gugu dan Matan.

Kajian awal VM menampakkan sedikit kelainan dalam aspek pengumpulan item leksikal dan memperlihatkan penerapan konsep ilmu perbandingan dalam kajian-kajian tersebut. Kelainan pengumpulan item leksikal dan penerapan ilmu linguistik bandingan dapat dilihat, misalnya dalam kajian Burns (Ling Roth, 1896: cv-cviii), di sekitar sungai Bintulu dan Rajang telah berjaya mengumpul 123 perbendaharaan kata yang terdiri daripada pelbagai medan makna, 24 jenis kosa kata yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif, jenis kata kerja, kata adverba, kata proposisi, kata bilangan, kata panggilan untuk lelaki dan kata nama untuk perempuan. Seterusnya, dalam abad yang sama Swettenham (Ling Roth, 1896: clvii-clx), turut memasukkan elemen linguistik perbandingan dalam kajiannya kerana dalam kajiannya beliau telah menyusun satu daftar kata perbandingan sebanyak sepuluh bahasa iaitu Iranun, Dusun, Bulud Opie, Sulus, Kian Dayak, Punan Dayak, Melanau Dayak, Bukutan Dayak, Land Dayak, dan Bulau Dayak. Dalam kajian ini sebanyak 115 kosa kata berjaya dikumpul oleh beliau.

Selain daripada ahli pendakwah, kajian VM terus berkembang pada awal abad ke-20 yang terdiri daripada pegawai kolonial dan ahli antropologi. Kajian awal abad ke-20 yang dimuatkan dalam makalah ini bermula pada tahun 1913 oleh Ray, iaitu seorang ahli antropologi dan kajian Richard & Jaro pada tahun 1930. Ray bukanlah seorang ahli linguistik komparatif, namun begitu beliau cuba menerapkan ilmu perbandingan ini dalam kajiannya. Sebagai contoh Ray (1913) telah menyusun satu daftar kata perbandingan bahasa-bahasa Borneo yang merangkumi beberapa aspek kata, misalnya kata ganti nama diri, kata ganti nama tunjuk, kata tanya dan kata bilangan kardinal dan ordinal (Ray, 1913: 53-64). Selain itu, beliau turut menyusun tiga senarai daftar kata bahasa-bahasa Borneo dan setiap satu senarai mengandungi 211 kosa kata. Kosa kata Milano, Bidayuhik, dan Ibanik terangkum dalam senarai daftar kata yang pertama (Ray 1913, 71-112). Kelompongan yang jelas dan nyata lagi bersuluh dalam kajian Ray (1913), ini ialah data yang dikumpulkan itu tidak dianalisis dari sudut linguistik.

Kajian Richards & Jaro (1930), selanjutnya lebih menitikberatkan

kajian bahasa Melanau yang berkisarkan di daerah Mukah. Kajian ini, bertujuan menyusun sebuah daftar kata yang berjudul “*A Vocabulary of Mukah Milano*” di Mukah. Dalam kajian ini, pelbagai daftar kata (sila lihat kajian Richard & Jaro, 1930: 89-130) telah diambil dan disusun mengikut susunan abjad huruf A-Z dan mengandungi pelbagai medan makna sesuai dengan matlamat kajian yang telah dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini. Dalam usaha mengumpulkan daftar kata ini Richard & Jaro turut mengeluarkan kenyataan bahawa bahasa Melanau sedikit berbeza setiap suku kaum dan tiada siapa yang lebih mengenali bahasa selain ‘*The Reverend Father*’ yang merupakan *Roman Catholic Mission* di kawasan ini. Kenyataan Richard & Jaro ini boleh dianggap keterlaluan kerana kenyataan yang dikeluarkan ini tidak bersandarkan bukti linguistik. Namun begitu, pengkaji tidak menyalahkan kajian yang telah dilakukan oleh Richard & Jaro ini kerana keduanya bukanlah ahli linguistik tetapi mereka adalah ahli antropologi. Oleh itu, segala usaha yang dilaksanakan oleh Richard & Jaro terhadap pengumpulan leksikal di kawasan Mukah harus dihormati kerana walaupun mereka ahli antropologi tetapi kajian yang telah dilaksanakan oleh kedua pengkaji ini boleh disifatkan sebagai satu usaha rintis untuk ahli linguistik pula mengambil tanggung jawab pada masa akan datang.

Kajian VM tidak berhenti begitu sahaja malah kajian terhadap VM ini terus berkembang sekitar tahun 1950-an – 1970-an. Kajian ini dilanjutkan lagi melalui usaha kajian yang telah dilaksanakan oleh kajian Richard & Jaro (1954), Cense & Uhlenbeck (1958), Newington (1961) dan Barnes (1966), Clayre (1970 & 1975), Blust (1974), Hudson (1978) dan King (1978). Sekali lagi, pada tahun 1954 Richard & Jaro meneruskan usaha mereka untuk mengkaji bahasa Melanau ini. Namun begitu, kajian Richard & Jaro (1954: 36-38) pada abad ini adalah lebih menjurus kepada kajian budaya terhadap masyarakat Melanau. Kajian yang diketengahkan oleh kedua orang pengkaji ini ialah menceritakan tentang sejarah siapakah Tugau dan Siong yang banyak diceritakan dalam masyarakat Melanau ini. Kajian yang berjudul “*Pasai Siong*” yang dipaparkan oleh Richard & Jaro ini memperlihatkan terdapatnya simbolik dan adanya perbezaan terhadap kisah yang disampaikan itu.

Selanjutnya, kupasan kajian VM yang dilakukan oleh Cense & Uhlenbeck (1958) yang berjudul “*Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*” ialah berkaitan ulasan yang lengkap mengenai kajian bahasa yang terdapat di Pulau Borneo yang dilakukan sebelum ini. Dalam kajian ini mereka bukan sahaja membuat ulasan terhadap bahasa Melanau sahaja malah mereka melakukan ulasan terhadap bahasa lain yang dikaji oleh penyelidik sebelumnya seperti dialek Melayu, Dayak Kendayan dan Land Dayak, Bisaya, dialek Murut Sarawak, dialek Murut Utara Borneo, Dusun, Bajau, Ubian, Illanun, Bulud-Upi, Sulu, dialek Tidung, Sajau Basap dan semua dialek Basap, Labu, *Central Borneo languages*, Punan Ba, Beketan, Ukit, Modang, Embaloh, Maanyan, Si (h) ong, Samihim, Dusun, Dusun De (y) ah, Lawangan, Tabuyan, Ngaju, dan Ot Danum. Dalam kajian ini, Cense & Uhlenbeck (1958,17) telah mengambil

ulasan daripada kajian Ray (1913) iaitu dengan hanya menggunakan suatu penambahan yang agak luar biasa bagi kajian bahasa Melanau yang telah dilaksanakan berlandaskan manuskrip kosa kata dan data atau maklumat yang diberikan oleh Ling Roth, Keppel, de Crespigny, dan Hose (Ray 1913). Ray telah dapat menunjukkan keseluruhan siri bahasa-bahasa yang dituturkan di sepanjang pantai, dan juga di sepanjang sungai di kawasan jauh di pedalaman mengikut susunan “bentuk-bentuk pertuturan Milano” (*Milano forms of speech*) yang akhirnya dapat mengenalpasti lima kategori bahasa Melanau (Ray 1913).

Sebagai sebuah tulisan yang lebih berbentuk ulasan, pandangan, pendapat, ataupun idea mereka mengenai VM ini, kajian mereka boleh disifatkan agak terhad. Hasil daripada bacaan pengkaji berhubung kajian Cense & Uhlenbeck (1954) mereka lebih mengutarakan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh kolonial dan pendakwah Kristian lain sebelum ini. Oleh itu, kajian ini (Cense & Uhlenbeck 1954) bolehlah dilabelkan sebagai sebuah kompilasi kajian lama yang telah diselidiki dan diimbaukan semula oleh kedua orang pengkaji ini tanpa mengupas kajian dari sudut linguistik yang bernuansa baru.

Kajian Newington (1961, 103-107) yang berjudul “*Melanau memories*” dan kajian Barnes (1966, 87-90) berkisarkan tentang kebudayaan masyarakat Melanau. Apa yang menariknya, kedua orang pengkaji ini mengkaji tentang budaya masyarakat ini berkaitan upacara berayun. Kajian Newington (196, 103), mempersembahkan upacara berayun yang dijalankan oleh pawang atau doktor sihir di situ untuk menyembuhkan penyakit seseorang dan telah menyaksikan beberapa perkara yang agak aneh. Barnes (1966, 87-90), juga mengkaji tentang budaya masyarakat Melanau. Kajian ini pula menceritakan tentang punca-punca dan penyembuhan atau rawatan penyakit atau kesakitan di kalangan kaum Melanau. Walaupun kajian ini bukan bersifat linguistik, tetapi leksikal-leksikal yang muncul daripada upacara tersebut menyumbang dalam inventori kajian leksikal Melanau.

Selanjutnya, kajian VM ini terus berkembang dan telah memperlihatkan sedikit perubahan dalam corak kajian yang dijalankan. Dalam kajian Clayre (1970), walaupun kajian ini didapati hanya menyentuh secara sepintas lalu tentang bahasa Melanau di Dalat namun usaha Clayre ini harus dihormati. Hujah yang dikemukakan oleh Clayre dianggap sebagai satu cubaan yang baik kerana beliau cuba membuat satu sistem ejaan dalam bahasa Melanau yang berfokuskan di kawasan Dalat. Walaupun disifatkan kajian ini satu kajian percubaan yang baik, namun pengkaji menganggap kajian ini adalah longgar, memandangkan kajian beliau hanya bersifat sepintas lalu tentang bahasa Melanau di Dalat dengan hanya membicarakan tentang beberapa aspek tentang item leksikal bagi melambangkan item leksikal bahasa Melanau. Kajian Clayre (1970), bolehlah dianggap sebagai satu cubaan awal dalam mengkaji bahasa Melanau dan kajian ini memerlukan kesinambungan kajian terhadap bahasa ini pada masa hadapan dengan lebih luas dengan memberi tumpuan kepada beberapa kawasan Melanau yang lain selain di kawasan Dalat.

Kajian Clayre (1975) yang berjudul “*Grammatical and semantic groupings of melanau nouns*” ini menerangkan mengenai pengkelasan kata nama salah satu dialek utama bahasa Melanau. Tumpuan tertentu diberikan kepada penggunaan *mereka* khasnya dalam pembinaan klausa relatif berlawanan dengan kata nama awal relatif yang lebih umum. Gaya hidup masyarakat dikaji terutamanya nama yang mempunyai bentuk gabungan “*generic superordinate-plus-specific*” bagi memperoleh bagaimana orang Melanau mengkategorikan dunia mereka. Tumpuan khusus juga diberikan kepada ‘sempadan’ antara kumpulan-kumpulan yang jelas diterangkan di mana masalah pengelasan muncul daripada penutur bahasa asli. Oleh itu, tidak keterlaluan pengkaji mengatakan kajian Clayre (1975) ini hanyalah mengkaji dari sudut morfologi iaitu dengan menyentuh aspek ketatabahasaan, penggunaan pengelasan kata ganti (*pronominal classifiers*) dan dari sudut bidang semantik. Dalam kajian ini aspek pengelasan dan rekonstruksi tidak disentuh oleh Clayre.

Blust (1974) merupakan linguist pertama yang meletakkan asas pengelasan dan rekonstruksi VM. Namun apa yang lompongnya kajian Blust ini ialah Blust tidak mampu untuk mengumpul data untuk bahasa-bahasa Kajang (Lahanan, Kejaman dan Sekapan). Berdasarkan kekangan ini Blust (1974) tidak meletakkan bahasa Kajang ke dalam mana-mana kategori dan Blust tidak cuba untuk meletakkan mereka ke dalam subkumpulan Sarawak Utara. Hasilnya, subkumpulan Utara Blust di Sarawak tidak memaparkan sama ada Melanau dan Kajang adakah berlainan dan termasuk dalam subkumpulan Sarawak Utara. Selain itu, Blust juga tidak menyentuh beberapa VM yang lain dalam kajian beliau. Dalam kajian Blust (1974) ini, hanya tujuh senarai perkataan Melanau dimasukkan ke dalam lampiran. Selain itu, Blust turut membincangkan hubungan di kalangan Bintulu, VM dan Kejaman.

Selain itu, Blust juga menyatakan bahawa Bintulu dikelaskan dalam kumpulan yang berasingan kerana kekurangan bukti untuk memasukkan bahasa ini di Utara Sarawak. Dalam kajiannya, Blust tidak cuba untuk mengelaskan bahasa Melanau dan Kajang. Sehubungan itu, Blust juga tidak cuba untuk menyelesaikan masalah hubungan linguistik di kalangan Bintulu, Melanau dan Kajang. Oleh itu, pengelasan Blust tidak harus digunakan sebagai kesimpulan akhir mengenai pengelasan bahasa di Sarawak. Walaupun Blust tidak cuba untuk menggambarkan hubungan di kalangan Bintulu, Melanau dan Kajang tetapi Blust mengelaskan Bintulu adalah kumpulan yang berbeza dari Melanau. Kelompongan kajian Blust ini adalah salah satu titik permulaan bagi pengkaji untuk melihat adakah benar kenyataan Blust ini mengasingkan Bintulu dari kelompok Melanau kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Blust tidak bersandarkan bukti linguistik.

Kajian Hudson (1978), turut dikaitkan satu kajian yang menggunakan ilmu perbandingan. Dalam kajian ini Hudson cuba membuat pengelasan terhadap VM. Dalam kajian Hudson, beliau ada mengeluarkan kenyataan bahawa pengelasan varian Rajang adalah bermasalah kerana peratusannya adalah lebih rendah. Namun begitu, beliau juga tidak menyatakan sebab-sebab

beliau membuat kesimpulan sebegini. Selain itu, Hudson turut mengatakan bahawa senarai perkataan ataupun bahasa Melanau juga bermasalah. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Hudson ini pengkaji sifatkan agak keterlaluan kerana kenyataan yang dikeluarkan tidak bersandarkan bukti linguistik. Apabila dilihat dalam kajian Hudson, beliau mengelaskan Sungai Rajang merupakan kumpulan yang berpendapatan rendah dan di kawasan ini terdiri daripada pelbagai Melanau pantai, iaitu Kanowit dan Tanjong. Sama seperti Blust, dalam pengelasan Hudson (1978) beliau turut meletakkan Bintulu adalah subkumpulan yang berbeza dari bahasa Melanau yang lain. Hudson meletakkan Bintulu dalam kumpulan kecil yang sama dengan Lahanan, Kajaman, Sekapan (bahasa Kajang) dan lain-lain. Kajian King (1978) yang berjudul “*Essay on Borneo society*” ini merupakan penulisan tentang masyarakat di Borneo. Penulisan ini adalah lebih bersifat memahami dan mengetahui asal-usul masyarakat setempat kaum yang dibincangkan. Antara kaum yang disentuh dalam penulisan King ini ialah kaum Dayak dan Melayu, Orang Melanau, Dusun Rungus dan Bajau Laut. Pengarang buku ini juga, cuba menerangkan beberapa perbincangan mengenai ‘Dayak’ antara penumpuan ialah kepada kajian yang melibatkan rumpun dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat pribumi tadi. Apa yang boleh pengkaji katakan kajian King (1978) adalah satu kajian budaya dan asal-usul masyarakat setempat. Apa yang istimewanya kajian King ini, pengkaji sifatkan kajian ini adalah satu sumbangan yang amat berharga kerana kajian King ini memberikan gambaran awal terhadap sesebuah masyarakat yang hendak dikaji.

KESIMPULAN

Ringkasnya, apa yang boleh dikatakan di sini, kajian VM sekitar tahun 1890-an – 1970-an memperlihatkan satu perkembangan kajian yang boleh dikatakan sebagai satu usaha yang tidak pernah putus yang dilakukan oleh para pengkaji untuk mengungkap VM ini. Bermula daripada ahli mubaligh atau pendakwah, dikembangkan lagi oleh golongan budaya dan dipanjangkan dan dirungkaikan lagi oleh para ahli linguist. Usaha yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji ini harus dipuji memandangkan dengan kajianlah masyarakat dunia akan lebih mengenali dan memahami norma sesebuah masyarakat.

Perkara yang ingin diketengahkan dan disimpulkan di sini, walaupun kesemua kajian telah diulas adalah tidak keterlaluan pengkaji mengatakan bahawa pengelasan VM ini dipelopori oleh Blust (1974). Sehubungan itu, kajian Blust (1974) dan kajian Hudson (1978), turut memasukkan elemen ilmu perbandingan ini dengan cara cuba membuat pengelompokkan terhadap VM ini, namun begitu hasilnya adalah tidak begitu berpada dan boleh dianggap kesemua kajian ini memberi nilai tambah terhadap kajian akan datang. Berdasarkan maklumat-maklumat tersebut, penelitian yang lebih khusus harus dilaksanakan.

Nomenclature ini, jelas menunjukkan bahawa terdapatnya beberapa kekurangan dan kelonggaran terhadap kajian terdahulu, berkaitan dengan bahasa atau dialek yang dikaji ini. Justeru, melalui beberapa kelemahan dan kelonggaran

yang terdapat dalam kajian terdahulu ini, telah menjadi perintis kepada kajian akan datang untuk menerokai kajian bahasa Melanau dengan lebih mendalam lagi agar dapat menghasilkan satu dapatan yang lebih baik.

BIODATA PENULIS

Rahim Aman ialah Prof Madya di Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Kepakaran beliau ialah bidang linguistik bandingan sejarawi.

Norfazila Ab Hamid ialah seorang pensyarah bahasa Melayu di Unit Bahasa, Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Shahidi Abdul Hamid ialah Prof Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah fonetik akustik dan dialektologi Melayu.

RUJUKAN

- Brooke Low, H. (1896). A Vocabulary. Dlm. Henry Ling Roth (pnyt). *The Natives of Sarawak and British North Borneo 2*: xlv-xlvi. London: Truslove and Hanson.
- Brooke Low, H. (1896). A Collection of Vocabularies. Dlm. Henry Ling Roth (pnyt). *The Natives of Sarawak and British North Borneo 2*: xlvii-xciii. London: Truslove and Hanson.
- Burns. R. (1896). A Vocabulary of The Kayan language of The North-West of Borneo. Dlm. Henry Ling Roth (pnyt). *The natives of Sarawak and British North Borneo 2*: cv-cviii. London: Truslove and Hanson.
- Barnes, G.T. (1966). A Melanau Curing Ceremony (payun) at Mukah. *The Sarawak Museum Journal XIV* (28-29):87-90.
- Blust, Robert A. (1974). *Proto-North Sarawak Vowel Deletion Hypothesis*. Ph.D. Dissertation: Universiti of Hawaii.
- Cense, A.A & Uhlenbeck, E.M. (1958). *Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Clayre, I. F. C. S. (1970). "The Spelling of Melanau (Nee Milano)". *The Sarawak Museum Journal* 28 (5):330-352.
- Clayre, I. F. C. S. 1975. Grammatical and Semantic Grouping of Melanau Nouns. *The Sarawak Museum Journal XXIII* (44):221-241.
- Hupe, C. (1896). A Collection of Forty-Three Words in use in Twenty-Four Different Districts. Dlm. Henry Ling Roth (pnyt). *The natives of Sarawak and British North Borneo 2*: c-cii. London: Truslove and Hanson.
- Hudson, A.B. (1978). Linguistic Relations Among Bornean Peoples with Special Reference to Sarawak: An Interm Report. In Zamora, Maria D.' Vinson H. Sutlive & Nathan
- Altschuler (eds), *Sarawak: Linguistics and Development Problems* 56(6): 1-33. Williamsburg: College of William and Mary.
- Karlberg, M. (2005). The Power of Discourse and The Discourse of Power Pursing Peace Through Discourse Intervention. *International Journal of Peace* 10 (1):1-23.
- <https://ms.wikipedia.org/wiki/genetik>
- King, Victor T. (1978). *Essay on Borneo Society*. London: Oxford University Press.
- Manimaran Krishnan & Samsudin A. Rahim. (2014). Hubungkait Komunikasi Kesihatan Dengan Kesan Hirarki Isu Kesihatan Terhadap Perubahan Gaya Hidup Sihat. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication* 30 (1):147-176.
- Mohd. Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. (2014). *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Newington, P.C.B. (1961). Melanau Memories. *The Sarawak Museum Journal X* (17-18):103-107.

- Rahim Aman & Norfazila Ab. Hamid. (2015). Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31 (1): 205-220.
- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid & Shahidi Abdul Hamid. (2015). Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba. *GEMA Online Journal of Language Studies* 15 (1):189-206.
- Rahim Aman. (2008). *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ray, S.H. (1913). The Languages of Borneo. *The Sarawak Museum Journal* I (14):1-196.
- Richards, A.J.N & Jaro, T.K. (1930). A Vocabulary of Mukah Milano (anonymous). *The Sarawak Museum Journal* IV (12): 87-130.
- Richards, A.J.N & Jaro, T.K. (1954). Pasai Siong. *The Sarawak Museum Journal* VI (19&4): 36-38.
- Spencer, St. John. (1896). Dayak languages -Sambas to Batang Lupar. Dlm. Ling Roth (pnyt.). *The Natives of Sarawak and British North Borneo 2*: xlviii-xciv. London: Truslove and Hanson.
- Severin, W.J. & Tankard, J.W. (1979). *Communication Theories, Origins, Methods, Uses*. London: Sage Publications.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse Analysis: The Sociolinguistics Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Swettenham, F.A. (1896). Vocabularies. Dlm. Henry Ling Roth (pnyt). *The Natives of Sarawak and British North Borneo 2*: clvii-clx. London: Truslove and Hanson.
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu & Asyraf Zulkifley. (2015). Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(1):171-186.

